



04 APR, 2025

Syukur lapan kucing terselamat, empat kereta Aidil cair bahagian luar

Harian Metro, Malaysia



Syukur lapan kucing terselamat, empat kereta Aidil cair bahagian luar

Kuala Lumpur: Bekas personaliti TV3, Aidil Abd Ghaffar, 56, bersyukur lapan ekor kucing miliknya selamat walaupun empat kereta miliknya didapati cair bahagian luar dan mengalami kerosakan dalam akibat kejadian letupan paip gas di Putra Heights, Selasa lalu.

Aidil ketika dihubungi berkata, keadaan rumah-

nya yang disewa kira-kira tujuh tahun lalu itu penuh dengan debu termasuk serpihan siling yang jatuh dan perlu dibersihkan apabila dibenarkan pulang nanti. "Sekarang, saya dan keluarga tinggal di pusat pemindahan sementara (PPS) lagi. Semalam (kelmarin), kami dibenarkan pulang ke rumah seketika kira-kira 30 minit untuk

meninjau keadaan kedia-

man.

"Alhamdulillah, semua lapan ekor kucing saya selamat. Empat ekor sudah diselamatkan (dibawa keluar), tiga ekor masih nak terus duduk di dalam rumah dan seekor lagi jenis yang suka bebas di luar.

"Nak ditangkap pun, lari. Tapi, tak apalah asalkan semuanya selamat. Haiwan

ini kita tak boleh paksa. Kalau tak nak ikut (keluar), biarlah duduk di rumah saja dan masing-masing pandai bawa diri," katanya.

Ditanya pengalamannya selama menetap di kawasan perumahan itu, Aidil berkata, selama dia sekeluarga tinggal menyewa di situ, keadaan sekelling te-

"Selama tujuh tahun menyewa di perumahan ini, saya sekeluarga suka dengan keadaan persekitaran sekelling yang tenang dan sunyi. Malah, sebelum ini pun tak pernah lagi ada terjadi insiden letupan seperti kelmarin (Selasa la-

lu).

"Memang tak sangka (insiden letupan berlaku). Ba-

karang ini saya sekeluarga belum lagi terfikir nak berpindah ke tempat lain. Penduduk juga masih tinggal di PPS.

"Ini kerana pihak berkuasa tempatan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan bomba juga masih membuat pemeriksaan keselamatan terperinci dan keputusannya masih ditunggu," katanya.